

## **TERMA & SYARAT PERADUAN “Daftar dan Menang”**

Peraduan “Daftar & Menang” ini dianjurkan oleh Lotus’s Stores (Malaysia) Sdn Bhd (“Lotus’s” atau “Penganjur”). Dengan menyertai Peraduan ini, anda bersetuju untuk terikat dan mematuhi terma dan syarat ini, yang akan membentuk perjanjian yang sah dan mengikat antara anda dan Penganjur. Penganjur berhak akan mengubah, menambah, atau mengeluarkan mana-mana Terma dan Syarat ini mengikut budi bicara mereka tanpa notis terlebih dahulu.

### **Tempoh Peraduan:**

1. Peraduan ini akan bermula pada **24 Oktober 2024** dan berakhir pada **31 Disember 2024** (“Tempoh Peraduan”).
2. Pihak penganjur boleh melanjutkan atau menukar tempoh peraduan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis mengikut budi bicara tunggal dan mutlak.

### **Kelayakan:**

3. Peserta mesti seorang warganegara atau penduduk tetap Malaysia yang mempunyai nombor Kad Pengenalan Malaysia (NRIC) yang sah (12-digit) dan berumur lebih dari 18 tahun pada masa penyertaan.
4. **Peraduan ini terbuka kepada pelanggan baru yang mendaftar untuk keahlian MyLotus’s sepanjang tempoh peraduan.**
5. Orang/entiti yang tersebut tidak dibenarkan untuk menyertai peraduan ini:
  - a. Pekerja tetap dan / atau pekerja sambilan Pihak Penganjur (dan berkaitan dengan syarikat berkenaan) dan ahli keluarga terdekat mereka (ibu bapa, pasangan, anak, adik-beradik dan suami isteri masing-masing); dan
  - b. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan pihak pengurusan peraduan) pihak penganjur dan ahli keluarga terdekat mereka (ibu bapa, pasangan, anak, adik-beradik dan suami isteri masing-masing).

### **Penyertaan Peraduan:**

6. Untuk menyertai Peraduan ini, sila ikuti langkah-langkah berikut:
  - a. Muat turun Aplikasi Lotus’s atau daftar dalam talian di <https://www.lotuss.com.my/en/members>.
  - b. Ini akan mendaftar secara automatik untuk peraduan.
  - c. Setiap pendaftaran baru sepanjang Tempoh Peraduan akan layak untuk 1 penyertaan.

7. Peraduan ini akan berlangsung selama SEPULUH (10) minggu. Pemenang akan dipilih selepas Tempoh Peraduan berakhir. Sebanyak TIGA BELAS (13) pemenang akan dipilih.
  - a. TIGA (3x) pemenang akan dipilih untuk memenangi 1 unit iPhone 16 Pro setiap seorang.
  - b. SEPULUH (10x) pemenang akan dipilih untuk memenangi E-Baucar Lotus's bernilai RM500 setiap seorang.

**Hadiah:**

- 3x Pemenang: 10g Poh Kong Bunga Raya Emas
- 10x Pemenang: E-Baucar Lotus's RM500
- Ini adalah peraduan selama 10 minggu. Pemenang akan dipilih dan diumumkan dalam TEMPOH SATU (1) bulan selepas peraduan berakhir pada 31 Disember 2024.

**\*\* Penganjur mungkin melanjutkan atau mengubah tempoh pengumuman pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.**

**Tempoh Kelayakan:**

8. Nota: Kelayakan semua penyertaan ditentukan berdasarkan Tempoh Peraduan. Penganjur akan mengumumkan nama pemenang Peraduan dengan memaparkan nama pemenang di halaman Facebook Lotus's Malaysia dalam masa SATU (1) bulan.
9. Kelayakan menjadi pemenang?
  - a. Pendaftaran BARU dalam tempoh 24 Oktober 2024 hingga 31 Disember 2024.
  - b. Ahli yang sebelum ini memuat turun aplikasi / mendaftar melalui laman web tidak layak untuk menyertai peraduan.
  - c. Pemenang perlu menjadi ahli My Lotus's dan mempunyai aplikasi Lotus's Malaysia.
  - d. Peserta mungkin dikehendaki menjawab soalan berkaitan peraduan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai pemenang. Sekiranya peserta gagal menjawab soalan dengan betul, Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan peserta dan pemenang baru akan dipilih mengikutnya.
10. Pemenang boleh memilih sama ada untuk mengambil hadiah mereka di ibu pejabat kami (Tingkat 3, Kepong Village Mall) (Isnin – Jumaat dari 10 pagi hingga 5 petang) atau untuk menghantar hadiah ke alamat mereka.
11. Jika pemenang memilih pilihan penghantaran, hadiah akan dihantar ke alamat rumah pemenang dalam tempoh tidak melebihi 4 minggu dari balasan kepada Notifikasi. Walau bagaimanapun, sekiranya Penganjur perlu menghantar hadiah kepada pemenang, Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan penerimaan Hadiah atau kerosakan yang berlaku semasa proses penghantaran. Kos penghantaran ditanggung oleh Lotus's. Tiada penggantian dan/atau pertukaran Hadiah akan dilayan.

12. Setiap pemenang hanya layak untuk memenangi SATU (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh Peraduan.
13. Pihak Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa dengan budi bicara mutlak tanpa sebarang notis dan semua hadiah tidak boleh dipindah milik ke individu lain dan tiada rundingan sama sekali.
14. Sekiranya atas apa jua sebab pemenang tidak bertindak balas terhadap pemberitahuan yang telah dibuat dalam tempoh yang telah diberikan, hadiah akan dibatalkan. Penganjur tidak akan membayar ganti rugi atau memberi pampasan atau memberikan sebarang masa lanjutan terhadap pemenang.
15. Semua hadiah diberikan atas dasar "Seadanya" dan tidak boleh ditukar, dipindah milik atau ditebus dengan wang tunai, kredit, barangan atau baucer,sebahagian atau sepenuhnya.
16. Pihak penganjur tidak akan membuat sebarang jaminan atau representasi dalam apa jua perkara berkaitan dengan hadiah dan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua isu dan / atau kerosakan yang berlaku.
17. Semua pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau mana-mana kos, yuran dan/atau perbelanjaan berkaitan yang berlaku untuk menyertai Peraduan adalah tanggungjawab mutlak pemenang.

**Lain-lain Terma & Syarat:**

18. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju (i) untuk penggunaan nama dan/atau gambar mereka sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti; dan/atau (ii) untuk pendedahan maklumat peribadi mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan/atau rakan kongsi yang terlibat oleh Penganjur untuk tujuan Peraduan dan/atau sebarang kajian pelanggan untuk memahami tingkah laku pembelian peserta.
19. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat dan tiada surat-menyurat lanjut atau percubaan untuk membantah keputusan tersebut akan dilayan.
20. Dengan menyertai Peraduan ini, anda juga mengakui bahawa promosi ini tidak ditaja, disokong atau dikendalikan oleh, atau berkaitan dengan, Instagram atau Facebook.
21. Sekiranya berlaku konflik antara versi Bahasa Melayu dan versi Bahasa Inggeris terma dan syarat kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

**Klausa Perlindungan Data Peribadi:**

22. Peserta dengan ini memberi kebenaran dan kuasa kepada Lotus's untuk mengumpul, memproses, dan menyimpan butiran peribadi Peserta untuk penyertaan dalam Peraduan dan untuk membolehkan Lotus's menganjurkan Peraduan tersebut ("Tujuan"). Peserta juga membenarkan Lotus's untuk mendedahkan butiran peribadi Peserta kepada semua pihak berkaitan mengikut Polisi Privasi Lotus's dan hanya untuk Tujuan tersebut.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan mengenai Peraduan, sila hubungi kami melalui Mesej Langsung Facebook, halaman Facebook Lotus's Malaysia dari Isnin hingga Jumaat, 9:00 pagi hingga 6:00 petang.